



**MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
BAHAGIAN RISIKAN DAN KOMUNIKASI STRATEGIK PERTAHANAN**

Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR
E-mel: brksp@mod.gov.my
Web: www.mafhq.mil.my

SIARAN MEDIA

KUALA LUMPUR

5 JUN 2026

(Dikeluarkan pada jam 8.00 pagi)

ISTIADAT MENGARAK PANJI-PANJI 2026 MANIFESTASI KESETIAAN ATM KEPADA RAJA DAN NEGARA

1. Dataran Pahlawan Negara hari ini menjadi saksi kepada pelaksanaan Istiadat Perbarisan Mengarak Panji-Panji SPB Yang di-Pertuan Agong Tahun 2026, sebuah istiadat ketenteraan penuh tradisi yang melambangkan ketaatsetiaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kepada KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong selaku Pemerintah Tertinggi ATM.
2. Istiadat ini merupakan acara utama bagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong dan dilaksanakan sebanyak tiga kali sepanjang tempoh pemerintahan Baginda iaitu pada tahun pertama, ketiga dan tahun terakhir pemerintahan. Tahun 2026 merupakan penganjuran kali kedua selepas pelaksanaan kali pertama pada tahun 2024.
3. Istiadat ini melibatkan seramai 148 pegawai dan 1,192 anggota lain-lain pangkat yang terlibat dalam elemen perbarisan serta sokongan operasi luar padang. Istiadat ini turut menghimpunkan ketiga-tiga perkhidmatan ATM iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), sekali gus mencerminkan kesatuan, disiplin dan kesiapsiagaan angkatan dalam mempertahankan kedaulatan negara.
4. Sebanyak lima Panji-Panji SPB Yang di-Pertuan Agong diarak dalam istiadat ini melibatkan Panji-Panji Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Rejimen Renjer Diraja (RRD), Kor Armor Diraja (KAD), TLDM dan TUDM. Panji-panji ini bukan sekadar simbol ketenteraan, malah melambangkan sejarah perjuangan, kehormatan pasukan dan semangat juang yang diwarisi turun-temurun dalam tradisi ketenteraan ATM.
5. Dalam era pertahanan moden, panji-panji bukan sahaja melambangkan tradisi dan warisan ketenteraan, malah menjadi simbol kekuatan semangat, identiti dan kesetiaan warga ATM yang melengkapi keupayaan aset serta teknologi pertahanan negara. Ia turut menjadi peringatan kepada generasi masa kini terhadap pengorbanan dan perjuangan warga ATM terdahulu dalam mempertahankan keamanan dan kedaulatan negara.
6. Panji-panji ini juga memaparkan "Battle Honours" yang menjadi simbol kepada sejarah perjuangan dan pengorbanan ATM dalam pelbagai operasi dan misi mempertahankan negara. Ia sekali gus mencerminkan legasi keberanian dan pengabdian warga ATM yang sentiasa menjunjung nilai kesetiaan kepada Raja dan Negara.



7. Istiadat pada kali ini turut diserikan dengan pelbagai elemen tradisi ketenteraan antaranya Hormat Diraja, Tembakan Kehormatan Artileri sebanyak 21 das oleh 41 Bateria Rejimen Artileri Diraja (Istiadat) serta terbang lintas hormat lima pesawat helikopter ATM yang membawa Jalur Gemilang, Bendera ATM dan bendera ketiga-tiga perkhidmatan. Keseluruhan istiadat turut diiringi gabungan Pancaragam Pusat Angkatan Tentera Malaysia yang menambahkan lagi kemegahan dan nilai simbolik perbarisan.
8. Selain menjadi simbol penghormatan kepada institusi Raja, istiadat ini turut menjadi medium untuk menyemai semangat patriotisme dan memberi peluang kepada rakyat, khususnya generasi muda, memahami nilai disiplin, kesetiaan dan pengorbanan yang menjadi teras kepada perkhidmatan ATM.
9. ATM turut merakamkan penghargaan kepada semua kementerian, agensi dan pihak yang terlibat dalam menjayakan penganjuran istiadat ini termasuk Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Komunikasi, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Perbadanan Putrajaya, Radio Televisyen Malaysia (RTM), Jabatan Penerangan Malaysia serta semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam memastikan kelancaran pelaksanaan istiadat ini.
10. Istiadat Mengarak Panji-Panji ini bukan sekadar sebuah perbarisan ketenteraan, tetapi manifestasi kesinambungan tradisi, kesetiaan kepada Raja dan semangat mempertahankan kedaulatan negara yang terus menjadi teras kekuatan ATM dalam memastikan keamanan dan kestabilan negara sentiasa terpelihara.

-TAMAT-

“KETAHANAN ATM : BENTENG PERTAHANAN NEGARA”